

Nasihat Dr M kepada ahli Umno

Kekalkan sikap sopan santun

B.H 15 JUN 1989

Oleh
MOHD NOH SENAN

KUALA LUMPUR, Rabu — Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menasihatkan ahli Umno supaya mengamalkan sikap bersopan santun apabila mengadakan mesyuarat cawangan dan bahagian, termasuk dalam soal pertandingan merebut jawatan parti.

Presiden Umno menegaskan, mereka tidak harus lupa matlamat parti dan mengutamakan kepentingannya agar kedudukan dan kewibawaan Umno tidak terjejas.

Beliau menyatakan perkara itu ketika mengadakan perjumpaan khas dengan pemimpin Umno peringkat bahagian, termasuk ketua dan setiausaha bahagian serta Pergerakan Pemuda dan Wanita di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini, petang ini.

Turut hadir ialah Timbalan Perdana Menteri, Encik Ghafar Baba yang juga Timbalan Presiden Umno dan ahli Majlis Tertinggi (MT).

Datuk Seri Dr Mahathir memberitahu pemberita selepas perjumpaan itu, beliau memberitahu mereka bahawa Umno tidak melarang ahlinya bertanding merebut jawatan, tetapi mereka hendaklah menentukan kekuatan parti tidak terjejas.

"Kita seharusnya tidak lupa dengan matlamat parti bahawa

kita bukan saja untuk menunjukkan amalan demokrasi dalam parti, tetapi menerusi demokrasi, kita dapat membentuk sebuah parti yang berjaya dan berkesan," katanya.

Menjawab soalan, beliau berkata, Umno tidak mahu apa yang berlaku sebelum ini berulang sehingga parti diharamkan disebabkan oleh tindakan seorang dua ahli.

"Kebanyakan ahli Umno berfikir waras dan sayangkan kepada parti. Sebab itulah mereka dengan rela hati segera mendaftar semula dalam parti," katanya.

Beliau berkata, semua urusan

mengadakan mesyuarat cawangan dan bahagian sudah siap.

Datuk Seri Dr Mahathir turut menyampaikan senarai daftar ahli terakhir kepada pemimpin bahagian di perjumpaan itu.

Sementara itu, Setiausaha Agung Umno, Datuk Mohamed Rahmat, berkata 9,039 cawangan layak mengadakan mesyuarat agung, memilih jawatankuasa dan perwakilan untuk menghadiri mesyuarat peringkat bahagian.

"Selain itu, 133 bahagian pula layak mengadakan mesyuarat agung dan memilih ahli jawatankuasa," katanya.

Beliau berkata, sejumlah 1,277,543 ahli daripada 1,283,543 yang mendaftar sebelum 31 Mac lalu layak menghadiri mesyuarat cawangan dan bahagian serta mengambil bahagian dalam pemilihan yang diadakan.

Datuk Mohamed berkata, mesyuarat pergerakan Pemuda dan Wanita bahagian pula diadakan selepas mesyuarat cawangan serta bahagian selesai.

"Senarai daftar ahli Pergerakan Pemuda dan Wanita sudah disiapkan dan akan dihantar kepada bahagian pada bila-bila masa saja," katanya.